



## **KENYATAAN AKHBAR OLEH KETUA AUDIT NEGARA**

### **BERKENAAN:**

#### **LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI DAN AGENSI NEGERI SERTA PENGAUDITAN PEMATUHAN JABATAN/AGENSI NEGERI PERAK TAHUN 2019**

1. Pengauditan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dilaksanakan selaras dengan Seksyen 5(1)(a) Akta Audit 1957 yang menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit akaun Persekutuan dan negeri. Pengauditan terhadap aktiviti jabatan/agensi pula merupakan pengauditan prestasi yang dilaksanakan di bawah Seksyen 6(d), Akta Audit 1957.
2. Perkara 107(1) Perlembagaan Persekutuan menghendaki Ketua Audit Negara mengemukakan laporannya kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia (KDYMM) Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang hendaklah menyebabkan laporan itu dibentangkan di hadapan Dewan Rakyat. Berdasarkan Perkara 107(2) pula, Laporan Ketua Audit Negara mengenai negeri hendaklah dikemukakan kepada Raja atau Yang di-Pertua negeri itu yang hendaklah menyebabkan laporan itu dibentangkan di hadapan Dewan Undangan Negeri itu.
3. Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) Mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Dan Agensi Negeri Serta Pengauditan Pematuhan Jabatan/Agensi Negeri Perak Tahun 2019 setelah mendapat perkenan KDYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong telah dibentangkan di Dewan Rakyat pada **5 November 2020**. Seterusnya, setelah

mendapat perkenan KDYMM Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, laporan tersebut akan dibentangkan di hadapan Dewan Undangan Negeri Perak pada **26 Ogos 2021**.

4. Laporan Ketua Audit Negara pada kali ini antara lainnya mengandungi perkara-perkara penting seperti berikut:

#### **4.1. Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Perak Tahun 2019**

##### **4.1.1. Pengesahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri**

Pengauditian terhadap Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Perak Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2019 adalah untuk memberi pendapat sama ada penyata tersebut menunjukkan kedudukan kewangan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan yang berkaitan telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini. Pengauditian yang dijalankan mendapati Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Perak telah diberi Pendapat Tanpa Teguran. Penyata kewangan tersebut menunjukkan gambaran yang benar dan saksama tentang kedudukan kewangan Kerajaan negeri dan rekod perakaunan telah diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini.

##### **4.1.2. Analisis Kewangan Kerajaan Negeri**

- (a) Jabatan Audit Negara di samping mengesahkan Penyata Kewangan Kerajaan negeri, juga membuat analisis terhadap kedudukan kewangan Kerajaan negeri.
- (b) Analisis Audit mendapati kedudukan kewangan Kerajaan negeri adalah kukuh. Baki Kumpulan Wang Disatukan pada akhir tahun 2019 bagi Negeri Perak telah meningkat sejumlah RM203.73 juta atau 18.9% menjadi RM1.280 bilion pada tahun 2019 berbanding RM1.077 bilion pada tahun 2018.

(c) Baki Akaun Hasil Disatukan meningkat sejumlah RM5.14 juta menjadi RM617.59 juta berbanding RM612.45 juta pada tahun 2018. Kedudukan kewangan Kerajaan negeri pada akhir tahun 2019 mencatat lebihan berjumlah RM5.14 juta berbanding lebihan RM9.92 juta yang diperoleh pada tahun 2018.

#### **4.2. Penyerahan, Pengesahan, Pembentangan Penyata Kewangan dan Prestasi Kewangan Agensi Negeri**

4.2.1. Mengikut Seksyen 5(1)(c) Akta Audit 1957, Ketua Audit Negara mempunyai kuasa untuk mengaudit penyata kewangan agensi negeri iaitu Badan Berkanun Negeri (BBN), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Majlis Agama Islam (MAI). Objektif pengauditan adalah untuk memberikan pendapat terhadap penyata kewangan agensi negeri sama ada penyata ini menggambarkan kedudukan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan yang berkaitan telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini.

4.2.2. Berdasarkan surat daripada Pejabat Kewangan Negeri Perak Darul Ridzuan bertarikh 27 April 2020, agensi diluluskan penangguhan penyerahan penyata kewangan kepada Jabatan Audit Negara pada tarikh akhir 31 Mei 2020 berbanding 30 April 2020. Kelulusan ini dibuat berdasarkan situasi semasa berkaitan pandemik COVID-19 dan perlanjutan tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sehingga 12 Mei 2020. Setakat 15 Ogos 2020, berdasarkan 30 Penyata Kewangan Agensi Kerajaan Negeri Tahun 2019, sebanyak 21 agensi telah mengemukakan penyata kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2019 untuk diaudit sebelum atau pada 31 Mei 2020. Sebanyak tujuh (7) agensi pula telah mengemukakan penyata kewangan selepas tempoh ditetapkan. Dua (2) agensi masih belum mengemukakan penyata kewangan.

4.2.3. Pada tarikh laporan disediakan, kesemua 28 penyata kewangan agensi negeri bagi tahun berakhir 31 Disember 2019 sedang diaudit dan belum dapat disahkan/dikeluarkan Sijil Audit.

### **4.3. Pengauditan Pematuhan Jabatan/Agenzi Negeri Perak**

4.3.1. Mulai tahun 2019, pengauditan pematuhan terhadap kementerian/ jabatan/agensi negeri diperkenalkan sebagai pendekatan baharu yang merangkumi penyata kewangan dan pengurusan kewangan selaras dengan *The International Standards of Supreme Audit Institutions* (ISSAI) 4000 dan 4100. Pengauditan ini memberi tumpuan secara mendalam kepada sesuatu bidang utama audit (*key audit area*)/kawalan pengurusan kewangan berdasarkan *Risk Profiling* yang dilaksanakan terhadap setiap Jabatan dan Agensi Negeri. Pengauditan pematuhan ini menggunakan pendekatan 3P1K, iaitu mengenal pasti elemen pembaziran, pemborosan, penyelewengan dan ketirisan wang awam.

4.3.2. Pada tahun 2020, sebanyak tiga (3) pengauditan pematuhan telah dilaksanakan terhadap tiga (3) jabatan dan satu (1) agensi negeri:

- (a) Pematuhan terhadap Pemberimilikan dan Tunggakan Cukai Tanah telah dijalankan di dua (2) Jabatan Negeri iaitu Pejabat Daerah Dan Tanah Kinta, Batu Gajah dan Pejabat Daerah Dan Tanah Kuala Kangsar melibatkan Pemberimilikan Tanah berjumlah RM13.12 juta dan Tunggakan Cukai Tanah berjumlah RM8.64 juta.
- (b) Pematuhan berkaitan Lesen Pendudukan Sementara telah dijalankan di Pejabat Daerah Dan Tanah Batang Padang melibatkan 135 transaksi kutipan hasil Lesen Pendudukan Sementara bagi tempoh Januari 2018 hingga Disember 2019.

- (c) Pengauditan pematuhan yang ketiga adalah pematuhan Perolehan Sebut Harga di Lembaga Air Perak melibatkan 41 Sebut Harga berjumlah RM2.88 juta di tiga (3) Wilayah Pentadbiran Lembaga Air Perak.
5. Ketua jabatan yang berkenaan telah dimaklumkan terlebih dahulu mengenai perkara yang dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara untuk tujuan pengesahan. Mesyuarat Penutupan (*Exit Conference*) juga telah diadakan bagi tujuan membincangkan penemuan Audit dan mendapatkan penjelasan serta maklum balas terhadap isu-isu berbangkit. Bagi membolehkan tindakan pembetulan dan penambahbaikan diambil oleh ketua jabatan berkenaan, Jabatan Audit Negara juga telah mengemukakan 13 syor untuk memperbaiki kelemahan yang dilaporkan.
6. LKAN Mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Dan Agensi Negeri Serta Pengauditan Pematuhan Jabatan/Agensi Negeri Perak Tahun 2019 akan dimuat naik selepas pembentangannya di Dewan Undangan Negeri Perak pada **26 Ogos 2021**. Orang awam boleh melayarinya di alamat <http://www.audit.gov.my> mulai **26 Ogos 2021** selepas jam **11.00 pagi**. Sebarang pertanyaan lanjut/pandangan mengenai Laporan tersebut bolehlah dialamatkan kepada [jbaudit@audit.gov.my](mailto:jbaudit@audit.gov.my).

Ketua Audit Negara

26 Ogos 2021 M  
17 Muharram 1443 H